

APLIKASI MYINVOIS HASiL KINI SEDIA DIGUNAKAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) sentiasa komited dalam agenda memperkukuhkan infrastruktur perkhidmatan digital dan seterusnya ke arah pentadbiran cukai yang mudah dan lancar kepada pembayar cukai. Selepas ketersediaan Portal MyInvois yang boleh digunakan oleh pembayar cukai pada Jun lalu, kini pembayar cukai boleh melaksanakan e-Invois menerusi aplikasi MyInvois di telefon pintar masing-masing pada bila-bila masa dan di mana jua.

Aplikasi MyInvois ini disediakan secara percuma oleh HASiL dan boleh dimuat turun dari semua platform sistem pengoperasian iaitu *App Store* (pengguna iOS), *Google Play* (pengguna Android) dan *AppGallery* (pengguna Huawei). Bagi mengakses dan melaksanakan e-Invois menerusi aplikasi MyInvois ini, pengguna perlulah melengkapkan proses log masuk kali pertama terlebih dahulu di Portal MyInvois. Aplikasi MyInvois ini turut menyediakan ciri-ciri utama seperti mana Portal MyInvois iaitu:

- **Pengurusan Profil** bagi Pengguna, Pembayar Cukai (Syarikat/Organisasi), Wakil, Sistem ERP dan Perantara; serta
- **Pengurusan Dokumen** merangkumi Pengemukaan, Semakan, Penolakan, Pembatalan dan Cetakan Dokumen.

Bagi memastikan penggunaan aplikasi secara optimum dan lancar, berikut adalah keperluan minimum untuk setiap peranti yang digunakan:

- Pengguna iOS: iOS versi 16.0 dan ke atas;
- Pengguna Android: Android versi 13 (API 33) dan ke atas;
- Pengguna Huawei: EMUI versi 8.0 dan ke atas.

Di samping ketersediaan aplikasi MyInvois ini, HASiL juga ingin memaklumkan bahawa fungsi Portal MyInvois telah ditambah baik dengan beberapa ciri baharu seperti yang berikut:

- Keupayaan carian dokumen yang dipertingkatkan mengikut keperluan pengguna;
- Pengurusan format paparan visual e-Invois yang boleh diubah suai mengikut keperluan pengguna;
- Fungsi notifikasi yang boleh ditetapkan oleh pengguna bagi sebarang perubahan atau tindakan ke atas dokumen; dan
- Fungsi simpanan dan salinan dokumen sebagai draf.

Sebagai panduan dan rujukan kepada pembayar cukai, HASiL telah menyediakan Panduan Pengguna yang boleh diakses menerusi Portal MyTax dan Portal MyInvois. Bagi pembayar cukai yang masih kurang jelas mengenai pelaksanaan e-Invois ini, boleh merujuk kepada saluran tersedia seperti berikut:

- Mikrosite e-Invois yang mempunyai pelbagai bahan informatif mengenai e-Invois seperti Garis Panduan Umum dan Spesifik, *Software Development Kit* (SDK), FAQ termasuk serta semua bahan rujukan utama dan komunikasi berkaitan e-Invois.

- Portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my/e-invois. Pelbagai hebahan infografik, videografik, kenyataan media dan artikel yang telah dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- Akaun media sosial di Facebook, X, TikTok dan Instagram.
- YouTube HASiL yang mempunyai semua video tutorial dan video informatif untuk meningkatkan pemahaman mengenai e-Invois.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan e-Invois, pembayar cukai boleh menghubungi HASiL menerusi:

- a. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- b. MyInvois Live Chat;
- c. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- d. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 23 Oktober 2024



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia